

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(35)

Tarikh : 13 September 2021

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA DITUTUP SEMENTARA UNTUK PENYELENGGARAAN DWI TAHUNAN 2022

Penyelenggaraan Funikular Dwi Tahunan yang kebiasaannya dijalankan pada bulan Januari dan Jun adalah aktiviti rutin yang perlu dilaksanakan seperti disyorkan oleh pihak pengeluar untuk memastikan sistem sentiasa berada dalam prestasi yang baik dan selamat digunakan.

Berikut dengan penutupan sempadan negara akibat pandemik COVID-19, aktiviti-aktiviti yang memerlukan perkhidmatan jurutera pihak pengeluar, *Garaventa AG* dari Switzerland ditangguhkan. Penyelenggaraan akan dijalankan oleh kakitangan Bahagian Operasi Funikular Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan mengambil langkah-langkah keselamatan dan kawalan untuk meningkatkan bilangan penyelenggaraan dan bagi memastikan sistem funikular sentiasa berada dalam keadaan terbaik dan menjalani pemeriksaan yang ketat.

Penyelenggaraan Funikular Dwi Tahunan 2022 yang dijadualkan pada suku pertama 2022 diawalkan kerana pihak PBBPP menjangkakan suku pertama 2022 akan beransur pulih bagi sektor pelancongan setelah negara dijangka mencapai tahap imuniti kelompok pada suku keempat 2021 berdasarkan Pelan Pemulihan Negara (PPN). Hal ini juga untuk memastikan peniaga-peniaga di kawasan Bukit Bendera dapat meneruskan kegiatan perniagaan dan ekonomi setelah menghadapi tempoh sukar sepanjang pandemik COVID-19.

Justeru, dengan mempertimbangkan keselesaan pengunjung dan juga mengurangkan lagi beban peniaga-peniaga, pihak PBBPP menetapkan untuk penyelenggaraan yang dijadualkan bulan Januari 2022 diawalkan kepada bulan **November** dan **Disember 2021** dibahagikan kepada empat (4) minggu pada hari **Selasa** dan **Rabu** sahaja. Perkhidmatan funikular Bukit Bendera Pulau Pinang akan ditutup sementara seperti jadual berikut :

Bil	Tarikh	Hari
1	16 - 17 November 2021	Selasa & Rabu
2	23 - 24 November 2021	
3	30 November - 1 Disember 2021	
4	7 - 8 Disember 2021	

Pengunjung boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan jip yang dikendalikan oleh Persatuan Penduduk Bukit Bendera di pintu masuk Jalan Jip (berdekatan Taman Botani) atau menggunakan laluan mendaki untuk sampai ke puncak Bukit Bendera semasa tempoh penutupan.

PBBPP ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung diatas kesabaran dan sokongan berterusan kepada Bukit Bendera. Segala kesulitan yang dihadapi amatlah dikesali.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Izatul Aziah binti Ismail
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
izatul@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my